BAB 9
Malaysia dalam Kerjasama Antarabangsa


Malaysia dalam Kerjasama Antarabangsa
Konflik Antarabangsa
Perang Dunia Pertama & Perang Dunia Kedua
Kemunculan Blok Dunia & Perang Dingin
Peranan & Sumbangan Malaysia Dalam Pertubuhan Antarabangsa
Dasar-Dasar Luar Malaysia
Malaysia Dalam Pertubuhan Antarabangsa
Malaysia Dalam Pertubuhan Serantau
Cabaran Masa Depan

Thn/ bab	04	05	06	07	08	09	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
9	9	9	4,9	9	4	9	9	9	9	11	11	11	11	11	11	11	X

2004	Penggubalan Dasar Luar & ASA
2005	Perang Dingin
2006	Perang Dunia ke-2
2006	K-ekonomi
2007	ASEAN
2008	PBB
2009	Dasar Luar Malaysia
2010	Globalisasi
2011	Pertubuhan Antarabangsa (PBB, NAM, Komanwel, OIC, Pertubuhan Selatan) Umum
2012	Perang Dunia Pertama
2013	Komanwel
2014	Globalisasi
2014 U	Dasar Luar Malaysia
2015	Perang Dunia ke-2
2015 U	PBB
2016	ASEAN
2016 U	Perang Dingin
2017 U	Perang Dunia Pertama
2017	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
2018 U	ASEAN (ZOPFAN)
2018	Pergerakan Negera Berkecuali
2019 U	Perang Dunia Pertama
2019	Globalisasi

TAJUK PENTING ****

Perang Dunia Ke-2

Ramalan

i. Dasar luar Malaysia
ii. Perang Dingin
iii. Perang Dunia Ke-2
iv. Komanwel
v. ASA/ ASEAN
vi. Koridor Raya Multimedia
vii. k-ekonomi
viii. OIC (KERTAS ULANGAN 2020)

Perang Dunia Pertama 1914-1918

SPM 2012
SPMU 2017
SPMU 2019

SEBAB-SEBAB

1. POLITIK

- kemunculan *PERIKATAN KUASA* Tengah dan *PAKATAN BERTIGA*
- Negara kecil bergabung membentuk sebuah Negara bangsa contoh Jerman dan Itali.
- Nasionalisme yang kuat menyebabkan kuasa-kuasa besar sanggup berperang untuk membuktikan kekuasaan masing-masing.

PERIKATAN KUASA TENGAH

Perikatan Kuasa Tengah atau *Triple Alliance* dibentuk pada tahun 1 882 dan dianggotai oleh negara Jerman, Austria-Hungary dan Itali. Perikatan ini kemudiannya disertai oleh Turki dan Bulgaria

PAKATAN BERTIGA

Pakatan Bertiga atau *Triple Entente* terdiri daripada negara Britain, Perancis dan Rusia yang dibentuk pada tahun 1907, pakatan ini kemudiannya disertai oleh Itali dan Jepun

2. EKONOMI

- **Persaingan berlaku akibat imperialisme baru untuk mendapat-kan bahan mentah dan memasarkan barangan siap.**

1. **Sebab semerta yang mencetuskan Perang Dunia I ialah pembunuhan Franz Ferdinand pewaris takhta Austria-Hungary dan isterinya.**
2. **Austria dengan sokongan Jerman mengisytiharkan perang ke atas Serbia.**
3. **Britain yang bermusuhan dengan Jerman turut campur tangan dan meminta pertolongan Amerika**

KESAN PERANG DUNIA PERTAMA

1. Menamatkan pemerintahan beraja di Eropah.
2. Perjanjian Versailles mengubah peta Eropah dan membentuk beberapa Negara baru.
3. Perjanjian Versailles membawa kepada pembentukan Liga Bangsa untuk menggalakkan keamanan dan kerjasama antarabangsa serta menjamin keselamatan bersama.
4. Negara berperang mengalami inflasi dan hutang peperangan yang tinggi.
5. Pakatan Bertiga membelanjakan US$125 bilion, Kuasa Tengah US$60 bilion.
6. Berlaku inflasi dan pengangguran.
7. Pasaran dunia mula diambil alih oleh Amerika dan Jepun.
8. Britain kehilangan 1/3 perdagangan luarnya.
9. Kesan social, kehilangan nyawa yang ramai

Soalan Tahun-Tahun Lepas

PERANG DUNIA PERTAMA



SPM 2012

9 a) Sejak Perang Dunia Pertama pada tahun 1941, beberapa siri peperangan telah berlaku di banyak tempat di dunia ini.
Terangkan sebab berlakunya peperangan tersebut (8 markah)

b) Jelaskan kesan sesuatu peperangan (6 markah)

c) Andaikan Malaysia menjadi sebuah kuasa besar dunia dan anda adalah pemimpin Malaysia pada masa tersebut jelaskan usaha yang akan anda lakukan untuk memastikan keamanan dunia berkekalan. (6 markah)

SPMU 2017

11. Perang Dunia Pertama tercetus pada tahun 1914

(a) Jelaskan faktor yang menyebabkan peperangan tersebut tercetus. [4 markah]

(b) Jelaskan peristiwa peperangan tersebut. [8 markah]

(c) Sejauh manakah Perang Dunia Pertama menjejaskan kehidupan masyarakat Eropah? [8 markah]

a. Terangkan sebab berlakunya perang Dunia Pertama.

[6 *markah]*

F1 kemunculan Perikatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga.

F2 Negara kecil bergabung membentuk sebuah Negara bangsa contoh Jerman dan Itali.

F3 Nasionalisme yang kuat menyebabkan kuasa-kuasa besar sanggup berperang untuk membuktikan kekuasaan masing-masing.

F4 Bahan mentah dan memasarkan barangan siap

F5 Sebab semerta yang mencetuskan Perang Dunia I pembunuhan Franz Ferdinand pewaris takhta Austria-Hungary dan isterinya.

F6 Austria dengan sokongan Jerman mengisytiharkan perang ke atas Serbia.

F7 Britain yang bermusuhan dengan Jerman campur tangan dan meminta pertolongan Amerika

a. Terangkan sebab berlakunya perang Dunia Pertama.

[6 *markah]*

Sebab berlakunya perang Dunia Pertama ialah kerana kemunculan Perikatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga. Pembentukan perikatan dan Pakatan ini menyebabkan negara kecil bergabung membentuk sebuah Negara bangsa contohnya seperti Jerman dan Itali.

Selain itu sebab berlakunya perang Dunia Pertama ialah kemunculan nasionalisme yang kuat. Ini menyebabkan kuasa-kuasa besar sanggup berperang untuk membuktikan kekuasaan masing-masing.

Seterusnya, sebab berlakunya perang Dunia Pertama ialah kuasa penjajah ingin mendapatkan bahan mentah dan memasarkan barangan siap hasil daripada keluaran kilang mereka.

Sebab semerta yang mencetuskan Perang Dunia Pertama ialah peristiwa pembunuhan Franz Ferdinand pewaris takhta Austria-Hungary dan isterinya. Ini telah menyebabkan Austria dengan sokongan Jerman mengisytiharkan perang ke atas Serbia.

Manakala Britain yang bermusuhan dengan Jerman turut campur tangan dan meminta pertolongan daripada Amerika Syarikat.

b. Jelaskan kesan sesuatu peperangan kepada kehidupan kita

4 markah

F1 Kemusnahan harta benda

F2 Mengorbankan nyawa manusia yang tidak berdosa

H2a Wanita, orang tua dan kanak-kanak

F3 Kehancuran keharmonian manusia sejagat

F4 Kesihatan penduduk terjejas

H4a penggunaan senjata kimia

F5 Gangguan emosi kepada mangsa

F6 Ekonomi terbantut/ tidak berkembang

b. Jelaskan kesan sesuatu peperangan kepada kehidupan kita 4 markah

Kesan sesuatu peperangan kepada kehidupan kita ialah berlaku kemusnahan harta benda. Selain itu, kesan peperangan juga mengorbankan nyawa manusia yang tidak berdosa seperti wanita, orang tua dan kanak-kanak.

Kesan peperangan juga menyebabkan kehancuran keharmonian manusia sejagat. Di samping itu, kesihatan penduduk juga turut terjejas terutamanya apabila penggunaan senjata kimia digunakan tanpa kawalan.

Kesan peperangan juga boleh menyebabkan gangguan emosi sepanjang kepada mangsa yang terlibat di dalam peperangan khususnya kepada sesiapa yang kehilngan anggota keluarga.

Kesan peperangan juga boleh menyebabkan ekonomi terbantut dan tidak berkembang. Perbelanjaan yang besar terpaksa digunakan untuk menampung perbelanjaan perang. Hal ini yang demikian kita mestilah menolak dan menentang peperangan demi memastikan keharmonian dunia sejagat.

SPM 2012

c) Andaikan Malaysia menjadi sebuah kuasa besar dunia dan anda adalah pemimpin Malaysia pada masa tersebut jelaskan usaha yang akan anda lakukan untuk memastikan keamanan dunia berkekalan. (6 markah)

SPM 2017

SOALAN Kbat

(c) Sejauh manakah Perang Dunia Pertama menjejaskan kehidupan masyarakat Eropah?

[8 markah]

SOALAN OBJEKTIF TAHUN-TAHUN LEPAS

SPM 2006



37 Rajah di atas merujuk kepada perikatan negara di Eropah yang wujud pada akhir abad ke-19. **T5 B9 ms 230 [P2 B3-B4]**
Apakah implikasi pembentukan pakatan tersebut?

A. Perebutan bahan mentah
B. Peningkatan ekonomi dunia
C. Permulaan persaingan kuasa
D. Pembentukan perpaduan sejagat

C

SPMU 2017

39 Perang Dunia Pertama tercetus pada tahun 1914.
Apakah faktor yang menyebabkan perang tersebut ?

T5 B9 ms 230-231 [P3 B2-B3]

A Perancis bersekutu dengan Rusia
B Wilayah Jerman diceroboh
C Bakal raja Austria dibunuh
D Pearl Harbour diserang

C

SPM 2010

38 Pada 28 Jun 1914, peristiwa pembunuhan pewaris takhta Austria-Hungary berlaku.

T5 B9 ms 230 [P3 B1]

Antara yang berikut, yang manakah kesan daripada peristiwa tersebut?

A. Perang Dingin
B. Perang Saudara
C. Perang Dunia Pertama
D. Pembentukan Pakatan Bertiga

C

SPM 2019

40 Mengapakah Perang Dunia Pertama tercetus pada tahun 1914 di Eropah?

A. Serangan Jerman terhadap Poland
B. Pembunuhan bakal raja Austria
C. Perluasan ideologi komunis
D. Pembentukan Kuasa Paksi

B

SPM 2013

38. Perang Dunia Pertama tercetus di Eropah mulai tahun 1914 hingga tahun 1918.

T5 B9 ms 231 [P1 B9-B10]

Mengapakah Amerika Syarikat turut terlibat dalam perang tersebut?

A Menguji senjata
B Permintaan Britain
C Mempertahankan Serbia
D Menyekat ideologi komunis

B

SPMU 2018

38. Maklumat berikut menunjukkan perbelanjaan semasa Perang Dunia Pertama.

Pakatan Negara Eropah	Perbelanjaan (Dolar US)
Pakatan Bertiga	125 billion
Perikatan Kuasa Tengah	60 billion

Mengapakah negara-negara yang terlibat membelanjakan banyak wang untuk berperang? **T5 B9 ms 231 [P4 B1-B7]**

I. Menentang dasar apartheid
II. Menghapuskan keganasan
III. Memperluas pengaruh
IV. Menguasai pasaran

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

D

SPMU 2005

Pakatan	Perbelanjaan US$
Pakatan Bertiga	125 bilion
Pakatan Kuasa Tengah	60 bilion

35 Jadual di atas menunjukkan perbelanjaan dalam Perang Dunia Pertama.
Antara berikut yang manakah kesan ekonomi kepada negara yang menganggotai pakatan tersebut? **T5 B9 ms 231 [P4 B2]**

I. Kadar inflasi meningkat
II. Beban hutang bertambah
III. Penganugerahan bertambah
IV. Nilai mata wang meningkat

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

A

SPM 2004

35 Apakah kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara-negara di Asia Tenggara? **T5 B9 ms 230 [P1 B6]**

A Kuasa raja dipulihkan
B Kerajaan republik dibentuk
C Semangat kebangsaan meningkat
D Wujud pelbagai aliran politik

C


Malaysia dalam Kerjasama Antarabangsa
Konflik Antarabangsa
Perang Dunia Pertama & Perang Dunia Kedua
Kemunculan Blok Dunia & Perang Dingin
Peranan & Sumbangan Malaysia Dalam Pertubuhan Antarabangsa
Dasar-Dasar Luar Malaysia
Malaysia Dalam Pertubuhan Antarabangsa
Malaysia Dalam Pertubuhan Serantau
Cabaran Masa Depan

Thn/ bab	04	05	06	07	08	09	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
9	9	9	4,9	9	4	9	9	9	9	11	11	11	11	11	11	11	X

2004	Penggubalan Dasar Luar & ASA
2005	Perang Dingin
2006	Perang Dunia ke-2
2006	K-ekonomi
2007	ASEAN
2008	PBB
2009	Dasar Luar Malaysia
2010	Globalisasi
2011	Pertubuhan Antarabangsa (PBB, NAM, Komanwel, OIC, Pertubuhan Selatan) Umum
2012	Perang Dunia Pertama
2013	Komanwel
2014	Globalisasi
2014 U	Dasar Luar Malaysia
2015	Perang Dunia ke-2
2015 U	PBB
2016	ASEAN
2016 U	Perang Dingin
2017 U	Perang Dunia Pertama
2017	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
2018 U	ASEAN (ZOPFAN)
2018	Pergerakan Negera Berkecuali
2019 U	Perang Dunia Pertama
2019	Globalisasi

TAJUK PENTING ****

Perang Dunia Ke-2

SPM 2006
SPM 2015

Ramalan

i. Dasar luar Malaysia
ii. Perang Dingin
iii. Perang Dunia Ke-2
iv. Komanwel
v. ASA/ ASEAN
vi. Koridor Raya Multimedia
vii. k-ekonomi
viii. OIC (KERTAS ULANGAN 2020)

Sebab-sebab Perang Dunia Kedua 1939-1945

SPM 2006
SPM 2015

Kegagalan Perjanjian Versailles menyelesaikan masalah Perang Dunia I.

Jerman

1. Jerman tidak puas hati dengan perjanjian kerana kehilangan tanah jajahan dan terpaksa membayar pampasan perang yang tinggi.
2. Adolf Hitler menguasai Jerman dan membesarkan angkatan tentera.

Rusia, Itali & Jepun

1. Di Rusia Vladimir Lenin mengukuhkan ideologi Komunis, kematiannya digantikan oleh Joseph Stalin.
2. Di Itali, Benito Mussolini telah menjajah Habsyah dan menceroboh Perancis.
3. Di Timur, Jepun berasa bertanggungjawab membebaskan Negara Timur daripada dijajah.

- ❑ Kemelesetan ekonomi Amerika, menyebabkan Negara Eropah mengurangkan peruntukan ketenteraan.
- ❑ Di Jerman mengukuhkan tentera dan menjalankan dasar perluasan kuasa.

Proses Perang Dunia Kedua

1. Meletus apabila Jerman menyerang Poland dari Barat, USSR menyerang Poland dari Timur.
2. Perancis dan Britain mengisytiharkan perang terhadap Jerman.
3. Jepun melancarkan serangan mengejut ke atas Pearl Harbour di Hawaii.
4. Perang Dunia II muncul **Kuasa Bersekutu** manakala **Kuasa Paksi**

1. Britain
2. Perancis
3. Amerika
4. Soviet Union

1. Jerman
2. Jepun
3. Itali

Perang Dunia Kedua Tamat

- Kuasa Bersekutu berjaya mengalahkan Jerman pada bulan Mei 1945.
- Amerika menggugurkan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki untuk mengelakkan peperangan yang lebih lama.

Kesan Perang Dunia Kedua

1. Negara Jerman terbahagi dua, Jerman Timur dan Jerman Barat.
2. Keruntuhan sistem imeperialisme Barat dan satu demi satu tanah jajahan mencapai kemerdekaan.
3. Peperangan menyebabkan korban nyawa yang tinggi.
4. Menimbulkan kesedaran tentang pentingnya kesejahteraan dan kedamaian dunia.
5. Penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan oktober 1945 bagi menggantikan Liga Bangsa.

Soalan SPM 2006

PERANG DUNIA KEDUA



SPM 2006

9 a) Ceritakan satu peristiwa yang membawa kepada berlakunya Perang Dunia Kedua (8 markah)

b) Jelaskan enam kesan Perang Dunia Kedua (6 markah)

c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, Bagaimanakah sesebuah negara dapat mengelakkan berlakunya Perang (6 markah)

9. a.Jelaskan peristiwa yang membawa kepada berlakunya Perang Dunia Kedua

[8 markah]

F1	**Kegagalan Perjanjian Versailles menyelesaikan masalah Perang Dunia Pertama**
H 1a	**Rasa tidak puas hati Jerman terhadap Perjanjian Versailles**
H 1b	**Jerman kehilangan tanah jajahan**
H 1c	**Jerman terpaksa membayar pampasan perang yg tinggi**
H 1d	**Jerman di arah mengurangkan saiz angkatan tenterannya**
F2	**Perubahan politik di Jerman, Soviet Union, Itali dan Jepun**
F3	**Kemunculan pemimpin baru Jerman, Adolf Hitler/ National Socialist**
H 3a	**Adolf Hitler ingkari syarat Perjanjian Versailles**
H 3b	**Adolf Hitler membina angkatan tentera yang besar**
F4	**Perang saudara di Rusia**
H 4a	**Komunis berjaya mengalahkan lawan dibantu Amerika, Britain, Perancis dan Jepun**
H 4b	**Lenin memperkukuhkan ideologi komunis**
H 4c	**Kesatuan Republik Sosialis Soviet (KRSS/USSR) ditubuhkan**
H 4d	**Joseph Stalin menggantikan Lenin**

F5 Penjajahan Itali / Benitto Mussolini terhadap Habsyah
F6 Kemunculan Jepun sebagai kuasa baru di Timur
H 6a Jepun rasa bertanggungjawab membebaskan negara Timur drp penjajahan Barat
F7 Kemelesetan ekonomi pada awal tahun 1930-an
H 7a Amerika tidak mampu menyediakan pinjaman untuk Jerman
H 7b Negara Eropah mengurangkan peruntukan ketenteraan
F8 Jerman meluaskan kuasa
H 8a Jerman serang Poland dari Barat
H 8b USSR serang Poland dari Timur
H 8c Britain / Perancis isytihar perang terhadap Jerman
F9 Itali menceroboh Perancis
F10 Jepun serang Pearl Harbour
H 10a Jepun menduduki Tanah Melayu / Singapura / A.Tenggara
F11 Kemunculan dua pakatan – Kuasa Bersekutu & Kuasa Paksi
H 11a Kuasa Bersekutu terdiri daripada Amerika, Britain, Perancis dan Rusia
H 11b Kuasa Paksi terdiri daripada Jerman, Itali dan Jepun

b. Jelaskan kesan Perang Dunia Kedua.

[6 *markah]*

F1	**Memecahbelahkan negara Eropah**
F2	**Jerman terbahagi dua (Jerman Barat & Jerman Timur)**
F3	**Meruntuhkan sistem imperialisme/ perkembangan nasionalisme**
F4	**Kemerdekaan negara-negara jajahan**
F5	**Menubuhkan negara-negara baru merdeka**
F6	**Negara baru menangani masalah warisan penjajah/ inflasi / pengangguran**
F7	**Negara baru membangunkan ekonomi masing-masing**
F8	**Kemunculan Blok Dunia**
F9	**Menyebabkan Perang Dingin / NATO dan WARSAW**
F10	**Korban nyawa yang tinggi/ mati/ terbunuh**
F11	**Timbul kesedaran tentang pentingnya kesejahteraan dan kedamaian dunia / saling bekerjasama**
F12	**Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)**
F13	**Contoh negara baru / merdeka / Filipina/ Indonesia/ Malaysia/ India**
F14	**Kemusnahan harta benda (Hiroshima & Nagasaki)**

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah sesebuah negara dapat mengelakkan berlakunya peperangan?

[6 *markah]*

F1	**Menjalin hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi / mengamalkan dasar berkecuali**
F2	**Menghormati kedaulatan negara lain / tidak menceroboh**
F3	**Menyertai pertubuhan serantau dan antarabangsa**
F4	**Mengelakkan daripada mencampuri urusan dalaman negara lain**
F5	**Mengelakkan daripada perlumbaan senjata**
F6	**Menyokong usaha untuk memelihara keamanan sejagat / OIC**
F7	**Bersama-sama menentang keganasan / pengganas**
F8	**Mendidik rakyat agar mencintai keamanan / kedamaian / perpaduan**
F9	**Menyelesaikan pertikaian secara diplomasi / rundingan**
F10	**Mengamalkan sikap toleransi**
F11	**Meningkatkan kemajuan negara / taraf hidup rakyat / kestabilan politik**

SPM 2015

11. Perang Dunia Kedua berlaku dari tahun 1939 - 1945

a) Mengapakah peperangan tersebut berlaku? (6 markah)

b) Jelaskan kesan perang tersebut terhadap keamanan dunia (8 markah)

c) Gambar berikut menunjukkan senjata canggih yang digunakan dalam peperangan pada abad ini.

Berdasarkan perkembangan teknologi persenjataan masa kini, ramalkan masa depan dunia (6 markah)

Gambar berikut menunjukkan senjata canggih yang digunakan dalam peperangan pada abad ini.

Contoh Soalan SPM 2015 no 11c

Berdasarkan perkembangan teknologi persenjataan masa kini, ramalkan masa depan dunia.

[6 markah]

Aras 3 **5-6 markah**

Menghuraikan keadaan. faktor, impak positif dan negatif kemajuan teknologi persenjataan kepada kualiti kehidupan masyarakat antarabangsa dari aspek politik, ekonomi dan sosial dengan jeias dan disokong dengan contoh yang relevan. Infrens yang sangat sesuai.

Contoh:

ekonomi dunia berkembang /peluang pekerjaan bertambah
perlumbaan industri persenjataan
dunia diancam bahaya peperangan
dan senjata pemusnah
yang menjadikan kehidupan masyarakat dunia huru-hara /
penjajahan seperti di Iraq
Konflik antarabangsa
Kuasa besar menggunakan kekuatan
senjata untuk memporakperandakan negara Iraq.
Sehingga sekarang Iraq tidak stabil
Sumber minyak dikuasai Amerika Syarikat

Contoh Jawapan Rubric

SOALAN OBJEKTIF TAHUN-TAHUN LEPAS

PERANG DUNIA KEDUA

SPMU 2015

Soalan 39 dan 40 berdasarkan maklumat berikut.

Perjanjian Versailles merupakan perjanjian yang paling komprehensif, di mana sebahagian kuasa besar telah bersetuju untuk menghukum Jerman dan negara lain yang tewas dalam Perang Dunia 1. Antara syarat dan terma yang utama ialah :

1. **Penyerahan kesemua tanah jajahan atau koloni Jerman sebagaimana yang dimandatkan oleh Liga Bangsa (League of nations):**
2. **Wilayah Alsace – Lorrine dipulangkan kepada Perancis.**
3. **Penyerahan Eupen Malmedy kepada Belgium. Memel kepada Lithuania, daerah Hultschin kepada Czechoslovakia.**
4. **Poznania, iaitu sebahagian Prussia Timur dan Upper Selesia diserah kepada Poland.**
5. **Danzig dijadikan bandar yang bebas**
6. **Plebiscites (sejenis pungutan suara) diadakan di sebelah utara Schleswig untuk menyelesaikan isu sempadan Denmark – Jerman.**
7. **Jerman membayar hutang perang sebanyak £6.600 juta.**

Dipetik dan diubahsuai daripada : Wikipedia

39 **Mengapakah Jerman dihukum demikian rupa?**

T5 B9 ms 232 [P2 B10]

A	Mengaut hasil negara lain
B	Dituduh memulakan peperangan
C	Melakukan penghapusan etnik
D	Menyebarkan fahaman komunis

B

40 Apakah tindak balas Jerman terhadap syarat tersebut?

A Menutup pintu sempadan

B Berdamai dengan negara jiran

C Memperkuat sistem pertahanan

D Melaksanakan sistem demokrasi

C

SPMU 2019

40 Perjanjian Versailles menamatkan Perang Dunia Pertama. Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap Jerman? **T5 B9 ms 232**

A. Keahlian dalam Liga Bangsa ditamatkan
B. Pemulihan sistem monarki
C. Keluasan empayar berkurangan
D. Perkongsian sumber tenaga dengan negara lain

C

SPMU 2018

38 Bagaimanakah tokoh berikut (Adolf Hitler) mengembalikan semula maruah bangsa dan negaranya selepas Perang Dunia Pertama? **T5 B9 ms 232 [P2 B9-B10]**

A Mengadakan referendum
B Memperbesar angkatan tentera
C Membangunkan industri baharu
D Memulihkan sistem monarki

B

SPM 2014

40 Rajah 5 menunjukkan kesan Perang Dunia Pertama terhadap Jerman.



Apakah tindakan Jerman untuk menghadapi kesan tersebut?
T5 B9 ms 232 [P2 B10]

A. Mendapatkan sokongan rakyat
B. Memperbesar angkatan tentera
C. Mengukuhkan kedudukan ekonomi
D. Menggabungkan wilayah-wilayah kecil

B

SPMU 2014

39. Pada tahun 1929, Jerman mengalami masalah kemelesetan ekonomi akibat kegagalan Amerika Syarikat menyediakan pinjaman. Apakah tindakan kerajaan Jerman untuk mengalihkan perhatian rakyat daripada masalah tersebut? **T5 B9 ms 232 [P2 B10]**

A. Mendapatkan pinjaman luar
B. Mewujudkan kerjasama serantau
C. Memperkuat bidang ketenteraan
D. Melaksanakan pilihan raya

C

SPM 2010

39. Tokoh berikut adalah pemimpin Jerman yang dituduh mengingkari Perjanjian Versailles yang ditandatangani pada tahun 1919.

Adolf Hitler

Apakah bukti tuduhan tersebut? **T5 B9 ms 232 [P2 B10]**

A Memperbesar angkatan tentera

B Menakluki wilayah Itali

C Menyertai Kuasa Bersekutu

D Mengamalkan pemerintahan diktator

A

SPM 2018

40 Jerman telah melanggar syarat- syarat Perjanjian Versailles yang ditandatangani pada tahun 1919.
Bagaimanakah negara tersebut melanggar syarat- syarat Perjanjian Versailles ?

T5 B9 ms 232 [P2 B9-B10]

A Memperkuat angkatan tentera

B Menjalinkan kerjasama dengan Russia

C Menamatkan hubungan diplomatik

D Mengeksport senjata ke luar negara

A

SPM 2016

40 Perang Dunia Kedua tercetus pada tahun 1939 apabila Jerman menyerang Poland. **T5 B9 ms 231 [P5 B2] ms 232 [P1 B3]**

Apakah faktor yang mencetuskan perang tersebut?

I. Pembunuhan Franz Ferdinand di Sarajevo
II. Perkembangan kuasa imperialis baharu
III. Kegagalan Perjanjian Versailles
IV. Kemelesetan ekonomi dunia

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

D

SPM 2007

39 Bagaimanakah Perang Dunia Kedua (1939 – 1945) bermula di Eropah? **ms 233[P4 B1]**

A. Rusia memasuki Berlin
B. Jerman menyerang Poland
C. Itali menceroboh Perancis
D. Austria mengancam Serbia

B

SPM 2017

39. Jepun menyerang tanah jajahan kuasa Barat di Asia dalam Perang Dunia Kedua. Apakah tindakan kuasa Barat untuk menghalang kemaraan Jepun ? **T5 B9 ms 233 [P7 B9-B10]**

A Membentuk pertubuhan
B Mengisytiharkan ZOPFAN
C Menaja kegiatan subversif
D Melakukan serangan bom atom

D

SPM 2015

40 Petikan berikut berkaitan dengan Perang dunia Kedua

Pada 1 September 1939, Hitler (Jerman) mara ke sempadan Poland . Dua hari kemudiannya, setelah mendesak agar Hitler berundur, Britain dan Perancis menyertai perang.
Sumber : B.H Liddell Hart *History of the Second World War*, Da Capo Press 1990

Apakah alasan Britain dan Perancis menyertai perang tersebut ?

T5 B9 ms233 [P4 B3]

A Menguji kekuatan tentera
B Mempertahankan keselamatan
C Merampas kembali wilayah
D Menyekat pengaruh komunis

B

SPM 2008

38 Peristiwa berikut berlaku semasa Perang Dunia Kedua.

Tarikh	Peristiwa
6 dan 8 Ogos 1945	Pengeboman Hiroshima dan Nagasaki

Mengapakah Amerika Syarikat mengambil tindakan demikian?

T5 B9 ms 233 [P7 B7]

A Menguji kekuatan senjata

B Mengingkari Perjanjian Versailles

C Mengelakkan perang berpanjangan

D Mengatasi masalah kemelesetan ekonomi

C

SPM 2006

38. Apakah masalah yang dihadapi oleh negara bekas tanah jajahan Barat selepas Perang Dunia Kedua? **T5 B9 ms 234 [P2 B10]**

I Membangunkan sektor ekonomi
II Mewujudkan perpaduan kaum
III Membentuk sempadan negara
IV Menghapuskan warisan penjajah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

A